

CNS6232

R GB 09-08 00139 BA113

Aab

Mahathir - Korea

SHAH ALAM, 9 Ogos (Bernama) -- Penerimaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Korea Selatan dan Korea Utara sebagai anggotanya telah mengatasi masalah pengiktirafan terhadap kedua-dua negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Malaysia menyambut baik keanggotaan kedua-dua negara dalam pertubuhan dunia itu, kata Perdana Menteri kepada pemberita di sini ketika diminta mengulas keputusan Majlis Keselamatan PBB menerima permohonan kedua-dua negara itu sebagai anggotanya.

Beliau berkata perkembangan itu tidak menimbulkan masalah kepada Malaysia kerana sejak dahulu lagi negara ini telah mengadakan hubungan diplomatik dengan Korea Selatan dan Korea Utara.

Ketika ditanya mengenai keyakinan yang disuarakan oleh Presiden George Bush bahawa Malaysia boleh mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020, Perdana Menteri berkata beliau gembira dengan kenyataan pemimpin Amerika Syarikat itu. -- Bernama.

09/08/22-06MST